

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IV)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

13. Adakah satu kajian semula telah dibuat ke atas Kajian Impak Trafik bagi semua projek pembangunan yang telah diluluskan?
  - (a) Jika ya, adakah penambahbaikan telah dilaksanakan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Setiap laporan Kajian Impak Trafik atau *Traffic Impact Assessment* (TIA) yang disyaratkan bagi setiap pembangunan akan disemak dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Laporan TIA biasanya disyaratkan semasa permohonan Kebenaran Merancang (KM) yang dikemukakan bagi setiap pembangunan selaras dengan garis panduan *Road Engineering Association Malaysia* (REAM) dan JKR di samping syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT. Tujuan penilaian TIA adalah untuk menilai impak pembangunan kepada rangkaian lalu lintas, pengangkutan dan mengenal pasti kerja-kerja atau perubahan yang diperlukan untuk membuat penambahbaikan terhadap kesan-kesan pergerakan pembangunan tersebut. Sehubungan itu juga, setiap laporan yang dikemukakan pada dasarnya hanya sah dalam tempoh dua (2) tahun sahaja. Bagi laporan TIA yang telah tamat tempoh atau kawasan pembangunan yang mempunyai perubahan drastik daripada segi trafik dalam masa tempoh dua (2) tahun, pihak PBT dan JKR akan mensyaratkan agar kajian semula TIA dijalankan terhadap pembangunan yang belum dilaksanakan bagi memastikan laporan yang digunakan masih sesuai dengan keadaan trafik semasa di kawasan pembangunan tersebut.

- (a) Setakat ini pihak PBT dan JKR hanya melakukan kajian semula TIA di lokasi seperti di kawasan lebuh raya/jalan raya berdasarkan keadaan kesesakan lalu lintas yang kritikal. Kajian semula ini juga termasuk kawasan yang berhampiran atau yang melalui projek pembangunan yang telah disiapkan. Pada ketika ini, pihak PBT dan JKR sedang dan telah melaksanakan kajian semula TIA dengan syor penambahbaikan jangka masa pendek di beberapa kawasan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan untuk penambahbaikan jangka masa panjang ke atas syor kajian semula TIA juga bergantung kepada jabatan atau agensi teknikal yang bertanggungjawab ke atas kawasan/lokasi kajian tersebut untuk melaksanakannya. Antara syor penambahbaikan jangka masa pendek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
- (i) Dilarang belok kanan atau kiri dari Jalan utama dan jalan susur;
  - (ii) Penukaran dua (2) lorong masuk dan keluar;
  - (iii) Pembinaan *circular ramp*;
  - (iv) Perubahan aliran lalu lintas dari dua (2) hala kepada satu (1) hala;
  - (v) Penukaran *lane configuration* dan penukaran *short storage lane* kepada *full length lane*,
  - (vi) Penukaran *full storage lane* kepada *short length lane* dan belokan kiri tanpa lampu isyarat;
  - (vii) Penukaran jalan kepada *free flow*; dan
  - (viii) Penukaran fasa dan perubahan masa lampu isyarat.